

24/01/1997

BN Kelantan kemuka strategi kepada PM

KUALA LUMPUR, Khamis - Barisan Nasional (BN) Kelantan mengemukakan laporan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai penyusunan, strategi dan gerak kerja untuk menumbangkan kerajaan Pas dalam pilihan raya akan datang.

Pengerusinya, Datuk Annuar Musa, berkata laporan yang dikemukakan semalam, adalah pandangan dan kajian secara terperinci mengenai Umno Kelantan berdasarkan post mortem beberapa siri pilihan raya di negeri berkenaan.

Susulan laporan itu, katanya, beliau menyusun 17 jawatankuasa petugas yang setiap satu diberi tempoh sebulan untuk menyiapkan manual prosedur kerja yang terperinci mengikut portfolio yang dikenal pasti.

Selain itu, struktur organisasi jentera pilihan raya juga dipinda, manakala sistem ketua 10 dihapus kerana tidak berkesan dan akan diganti dengan pendekatan baru.

"Pendukung jentera BN dan Umno juga akan menjalani latihan intensif untuk membolehkan mereka lebih berupaya ketika melaksanakan tugas dalam pilihan raya," katanya kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa, semalam.

Melalui laporan itu, katanya, BN Kelantan memerlukan reaksi, nasihat dan pandangan Perdana Menteri sebelum gerak kerja dan strategi itu dilaksanakan.

Sementara itu, Annuar yakin BN mampu mentadbir semula kerajaan negeri Kelantan jika semua calonnya memperoleh lebih lapan peratus undi daripada jumlah sekarang.

"Pengaruh dan undi Pas semakin merosot. Kita juga mengenal pasti 27 kerusi DUN yang boleh dimenangi jika undi diperoleh melebihi lapan peratus daripada diperoleh sekarang, manakala 10 lagi masih samar.

"Walaupun peluang untuk menang memang ada, namun Umno Kelantan akan tewas lagi jika hasad dengki, tiada komitmen, berpecah dan tidak berdisiplin berterusan," katanya.

Annuar juga sanggup memikul kekalahan BN dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Pulau Chondong, yang antara lain berpunca daripada kesilapannya sendiri selain faktor sabotaj, tiada komitmen untuk menang dan perpecahan dalam Umno Kelantan.

"Umno Kelantan akan kalah sekali lagi dalam pilihan raya akan datang, jika masing-masing tidak ada komitmen, disiplin dan bersatu dalam satu pasukan.

"Kita harus menilai diri masing-masing selepas tewas di Pulau Chondong. Kita mesti bekerjasama dan jangan jadi hero atau mengkritik antara satu sama lain.

"Pas menang kerana menerima sokongan padu ahli dan penyokong, manakala jenteranya padu, berdisiplin dan bekerja sebagai satu pasukan," katanya.

(END)